بداية السول في تفضيل الرسول

BIDAYAT AL SUL FI TAFDHIL AL RASUL

KARYA

SULTANUL ULAMA AL IMAM

IZZUDDIN ABDUL AZIZ IBN ABDUL SALAM

WAFAT PADA 660 HIJRAH

TERJEMAHAN:

Yang Sentiasa Berhajat Dan Berharap Kepada Allah:

AHMAD FAIZ BIN MOHD KHALIL AL ASMUNIY AL AZHARIY

بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

اللهم صل على سيدنا مُحَمَّد وعلى آله و سلم و أعن ويسر و تمم.

الحمد لله رب العالمين, و صلى الله على سيد الخلق أجمعين مُحَمَّد خاتم النبيين وعلى آله و صحبه أجمعين.

Firman Allah:

وَأَنزَلَ ٱللَّهُ عَلَيۡكَ ٱلۡكِتَٰبَ وَٱلۡحِكۡمَةَ وَعَلَّمَكَ مَا لَمۡ تَكُن تَعۡلَمُۚ وَكَانَ فَضۡلُ ٱللَّهِ عَلَيۡكَ عَظِيمٗا ١١٣

Maksudnya: *"Allah telah menurunkan kepadamu Kitab (Al-Quran) serta Hikmah dan telah mengajarkanmu apa Yang Engkau tidak mengetahuinya. dan adalah kurnia Allah Yang dilimpahkanNya kepada mu amatlah besar."* (Nisa: 113)

۞ تِلۡكَ ٱلرُّسُلُ فَضَّلۡنَا بَعۡضَهُمۡ عَلَىٰ بَعۡضٖۘ مِّنۡهُم مَّن كَلَّمَ ٱللَّهُۖ وَرَفَعَ بَعۡضَهُمۡ دَرَجَٰتٖ

Maksudnya: "*Itulah rasul-rasul yang telah Kami lebihkan sebahagian daripada mereka atas sebahagian Yang lain (dengan kelebihan-kelebihan Yang tertentu). di antara mereka ada Yang Allah berkata-kata dengannya, dan ditinggikanNya (pangkat) sebahagian daripada mereka beberapa darjat kelebihan."* (Al Baqarah: 253)

Kelebihan yang telah disebutkan dalam ayat yang pertama adalah jelas tentang wujudnya perbandingan darjat dan kelebihan, dan ayat kedua pula menunjukkan kepada ketinggian darjat yang berganda terhadap sesetengah pihak [berbanding pihak yang lain]. [Maka] Allah telah melebihkan dan memuliakan Nabi kita Muhammad ﷺ dari beberapa sudut:

Pertamanya adalah: Bahawasanya baginda adalah penghulu bagi semua. Sabda baginda:

أنا سيد ولد آدم و لا فخر

"Aku adalah penghulu bani Adam. Tanpa berbangga"

Perkataan *Sayyid* yang membawa erti penghulu sebenarnya ditujukan kepada mereka yang bersifat dengan sifat-sifat mulia dan akhlak-akhlak terpuji. Kalimah ini menunjukkan bahawa baginda adalah makhluk termulia di dunia dan akhirat.Adapun di dunia maka adalah kerana baginda pemilik akhlak-akhlak yang agung. Manakala di akhirat pula maka adalah kerana pahala dan ganjaran yang terhasil dari akhlak-akhlak dan sifat tertentu, justeru itu, apabila baginda dimuliakan di dunia dengan akhlak dan peribadi terpuji, maka sudah pasti baginda akan dimuliakan berbanding selainnya dengan darjat dan ketinggian martabat di akhirat nanti.

Nabi ﷺ hanyasanya telah bersabda sedemikian adalah untuk memberitakan kepada umatnya akan kedudukan baginda di sisi Allah. Oleh itu, tatkala menyebut-nyebut akan perihal diri dan meninggikannya, kebiasaannya dilakukan bertujuan untuk berbangga-bangga, maka Nabi ﷺ mahu menafikan kebarangkalian dan andaian buruk yang boleh hadir pada manusia yang jahil itu dengan menyebut perkataan:

و لا فخر

"Tanpa berbangga."

2. **Antaranya lagi**: Sabda Nabi yang berbunyi:

و بيدي لواء الحمد يوم القيامة و لا فخر

"Di tanganku [ini diberikan] panji kepujian pada hari kiamat kelak.Tanpa berbangga."

3. **Antaranya lagi adalah**: Sabda Nabi yang berbunyi:

آدم فمن دونه تحت لوائي يوم القيامة و لا فخر

"Adam dan mereka [yang datang] selepasnya berada dibawah panjiku pada hari kiamat. Tanpa berbangga."

Ini adalah keistimewaan yang yang menunjukkan kepada martabat baginda yang maha tinggi ke atas Nabi Adam dan selainnya. Ini kerana tiada makna bagi suatu kelebihan yang diberikan melainkan dengan mengkhususkannya dengan beberapa peribadi mulia dan kedudukan yang tinggi.

4. **Antaranya lagi**: Bahasanya Allah telah memberitakan kepada baginda bahawa baginda telah diampunkan dari kesalahan sama ada yang terdahulu mahupun yang terkemudian. Dan Tidak pernah dinukilkan bahawa Allah telah menyatakan bahawa Dia telah mengampuni seseorang dari kalangan Nabi-nabi terdahulu seperti yang berlaku pada Nabi Muhammad ﷺ. Bahkan secara zahirnya Allah tidak menyatakan semisal itu kepada mereka. Dalilnya adalah setiap dari mereka tatkala

dipohon syafaat di padang masyhar, menyebut akan kesalahan yang pernah dilakukan mereka kemudian berkata:

نفسي نفسي

"Hanya diriku, Hanya diriku."

Kalaulah mereka mengetahui bahawa setiap dari mereka telah diampunkan dosa nescaya mereka tidak akan sesekali malu pada peristiwa ini. Tatkala itu sekalian makhluk memohon kepada Nabi syafaat dalam situasi sedemikian maka baginda berkata:

أنا لها

"Akulah yang berhak baginya!"

5. **Antaranya lagi adalah**: Bahawasanya baginda adalah pemberi syafaat yang pertama, dan dalam masa yang sama adalah orang pertama yang diberikan syafaat oleh Allah. Ini jelas sekali menunjukkan keistimewaan dan kelebihan baginda.

6. **Antaranya lagi adalah**: baginda telah mengutamakan umatnya lebih dari dirinya, tatkala peluang doa yang mustajab yang dikurniakan kepada setiap Nabi telah mereka gunakan ketika di dunia, namun baginda telah menyimpan doa tersebut sebagai suatu syafaat bagi umatnya.

7. **Antaranya adalah**: bahawasanya Allah telah bersumpah dengan kehidupan baginda dengan firmannya:

لَعَمْرُكَ إِنَّهُمْ لَفِى سَكْرَتِهِمْ يَعْمَهُونَ ﴿٧٢﴾

Maksudnya: *"Demi umurmu (Wahai Muhammad), Sesungguhnya mereka membuta tuli Dalam kemabukan maksiat mereka."* (Al Hijr: 72)

Perbuatan bersumpah dengan kehidupan seseorang adalah petunjuk kepada kegemilangan dan kemegahan hidupnya disisi orang yang bersumpah. Dan bahawasanya kehidupan baginda adalah selayaknya untuk sedemikian kerananya dipenuhi dengan barakah yang am dan khusus. Bahkan kelebihan ini tidak wujud pada mereka selainnya.

8. **Antaranya adalah**: Bahawasanya Allah telah memuliakan baginda tatkala menyeru dan memanggil baginda. Allah telah memanggilnya dengan seindah-indah nama dan sifat baginda dengan berfirman:

يا أيها النبي

"*Wahai Nabi*"

يا أيها الرسول

"*Wahai Nabi*"

Sekalian keistimewaan ini tidak sabit bagi mereka selainnya.Bahkan telah sabit bahawa mereka telah dipanggil dan diseru dengan nama mereka. Firman Allah:

وَقُلۡنَا يَٰٓـَٔادَمُ ٱسۡكُنۡ أَنتَ وَزَوۡجُكَ ٱلۡجَنَّةَ

"*Wahai Adam tinggallah kamu beserta isterimu di dalam syurga*"

إِذْ قَالَ ٱللَّهُ يَٰعِيسَى ٱبْنَ مَرْيَمَ ٱذْكُرْ نِعْمَتِى عَلَيْكَ

"*Tatkala Allah berfirman: Wahai Isa, ingatilah nikmat ku ke atasmu*."

أَن يَٰمُوسَىٰٓ إِنِّىٓ أَنَا ٱللَّهُ رَبُّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٣٠﴾

"*Wahai Musa sesungguhnya aku ini Allah tuhan sekalian alam*."

قِيلَ يَٰنُوحُ ٱهْبِطْ بِسَلَٰمٍ

"*Wahai Nuh, berlabuhlah dengan sejahtera*"

يَٰدَاوُۥدُ إِنَّا جَعَلْنَٰكَ خَلِيفَةً فِى ٱلْأَرْضِ

"*Wahai Daud sesungguhnya kami telah menjadikan kamu khalifah di bumi"*

وَنَٰدَيْنَٰهُ أَن يَٰٓإِبْرَٰهِيمُ ﴿١٠٤﴾ قَدْ صَدَّقْتَ ٱلرُّءْيَآ ۚ إِنَّا كَذَٰلِكَ نَجْزِى ٱلْمُحْسِنِينَ ﴿١٠٥﴾

"*Maka kami telah memanggilnya seraya berkata:Wahai Ibrahim, kamu telah membenarkan mimpi tersebut. Sesungguhnya kami dengan begitulah memberi ganjaran kepada mereka yang berbuat baik."*

يَٰلُوطُ إِنَّا رُسُلُ رَبِّكَ

"*Wahai Luth sesungguhnya kami ini utusan bagi tuhanmu*"

يَٰزَكَرِيَّآ إِنَّا نُبَشِّرُكَ بِغُلَٰمٍ ٱسۡمُهُۥ يَحۡيَىٰ لَمۡ نَجۡعَل لَّهُۥ مِن قَبۡلُ سَمِيًّا ٧

"*Wahai Zakaria sesungguhnya kami menyampaikan berita gembira kepadanya berkenaan [kelahiran] seorang anak yang bernama Yahya yang tidak pernah kami namakan seseorang pun sebelumnya*."

يَٰيَحۡيَىٰ خُذِ ٱلۡكِتَٰبَ بِقُوَّةٖۖ وَءَاتَيۡنَٰهُ ٱلۡحُكۡمَ صَبِيًّا ١٢

"*Wahai Yahya peganglah kitab dengan kukuh. Dan kami telah memberikan kepadanya kebijaksanaan sejak kecilnya*."

Tidak salah lagi, tatkala si tuan memanggil sahayanya dengan panggilan yang terbaik yang juga membawa makna-makna dan sifat yang terpuji, padahal dalam masa yang sama memanggil sahayanya yang lain dengan panggilan nama semata-mata yang tidak menunjukkan kepada sebarang makna peribadi dan akhlak yang tinggi, bahawa perbuatan tersebut sangat jelas menunjukkan kepada kedudukan sahaya yang pertama itu adalah lebih dekat dan dicintai oleh Allah berbanding mereka yang hanya dipanggil dengan nama. Ini adalah perkara biasa yang diketahui adat bahawa orang yang dipanggil dengan sifat termulia mahupun akhlaknya yang terpuji adalah satu cara untuk metakzimkan dan menghormati orang yang dipanggil.

Kata Syair:

لا تدعني إلا بيا عبدها ** فإنه أفضل أسمائي

*Janganlah kamu menyeruku melainkan dengan Wahai hambaNya ** Kerana sesungguhnya ianya adalah semulia-mulia namaku.*

9. **Antaranya adalah:** Bahawasanya mukjizat sekalian Nabi telah pupus dan hilang sedangkan mukjizat Nabi kita Muhammad ﷺ yakni al Quran Al karim kekal hingga hari kiamat.

10. **Antaranya adalah:** penghormatan dan ucapan salam dari batu kepada Baginda, dan tangisan batang kurma kepadanya. Tidak sabit bagi para Nabi sebelumnya perihal sedemikian. Maka ambilkan apa yang telah kamu lihat dan tinggalkan sesuatu yang hanya kami dengar.

11. **Antaranya adalah**: wujud dalam mukjizatnya unsur yang begitu terzahir menunjukkan kelemahan pada musuh atau mereka yang ingin menirunya berbanding mukjizat selain baginda. Seperti air yang terpancar dari celah jari jemari baginda. Sesungguhnya ia adalah lebih mencarik adat berbanding pancaran air dari batu-batu. Ini kerana jenis batu adalah kebiasaan tempat untuk terpancar air, namun mukjizat Nabi Muhammad dengan memancarkan air dari celah jari jemari baginda adalah lebih dahsyat berbanding mukjizat Nabi Musa yang memancarkan air dari batu.

12. **Antaranya lagi adalah:** Bahawasanya Nabi Isa telah menyembuhkan penyakit buta tatkala mata itu kekal di mata pemiliknya. Sedangkan Rasulullah ﷺ telah mengembalikan semula mata yang terkeluar dari tempatnya. Kehebatan mukjizat ini jelas pada 2 sudut:

Pertama: Mengembalikan semula mata ketempat asalnya. Kedua: Mengembalikan semula penglihatan yang hilang.

13. **Antaranya lagi adalah:** Bahawasanya manusia yang mati dek kerana kekufuran yang dihidupkan dengan roh iman oleh baginda Nabi adalah lebih banyak berbanding mereka yang telah dihidupkan semula oleh Nabi Isa dengan kehidupan badan. Akan diperincikan nanti pernyataan berkenaan kehidupan iman dan kehidupan badan.

14. **Antaranya lagi adalah**:BahawasanyaAllah telah menetapkan bagi setiap nabi ganjaran mereka berdasarkan kepada kadar amalan umat mereka yakni termasuk segala hal ehwal dan percakapan mereka. Sedangkan umat Nabi kita Muhammad adalah separuh ahli syurga, dan Allah telah memberitakan bahawa umat baginda adalah sebaik-baik umat yang dikeluarkan bagi manusia. Maka hanya sanya sifat sebaik-baik umat itu adalah terhasil dari pengetahuan, percakapan dan amalan yang baik dari mereka. Justeru ini, tidak adalah satupun pengetahuan,mahupun hal ehwal, ibadat dan percakapan ataupun mana-mana perkara yang mendekatkan diri dengan Allah yang telah diajarkan oleh Nabi ﷺ atau yang diseru oleh baginda melainkan bagi diri baginda pahala mereka yang mengamalkannya hingga ke hari kiamat. Sedang tiada seorang nabi pun pernah sampai ke martabat ini. Telah disebutkan dalam hadis:

الخلق عيال الله و أحبهم إليه أنفعهم لعياله

“Sekalian makhluk ini adalah dibawah tanggungan Allah. Dan orang yang paling disukai Allah adalah mereka yang paling banyak memberi manfaat kepada makhluknya.”

Maka Nabi ﷺ telah memberi manfaat kepada separuh ahli syurga, sedangkan para nabi selain baginda hanya mampu memberi sejuzuk dari separuh yang terbaki lagi. Maka tidak peliklah bahawa kedudukan baginda yang hampir dengan Allah ini

adalah berdasarkan manfaat yang telah diberikan kepada umatnya. Oleh itu,tidak ada seorang pun yang mengetahui dari kalangan umatnya melainkan baginya pahala semisal pengetahuan yang diketahui oleh seseorang itu, dan tiada seorang pun yang yang mempunyai hal ehwal terpuji melainkan bagi baginda itu semisal pahala yang telah diberikan bagi pemilik hal tersebut dan ditambah ke atas pahala hal ehwal baginda yang sudah sabit ganjarannya, juga tiada seorang pun yang telah melafazkan kata-kata yang mendekatkan diri kepada Allah melainkan bagi baginda itu semisal pahala yang orang yang memperkatakan ditambah lagi ke atas ganjaran perkataan Nabi dan usaha menyampaikan risalah Allah. Serta tiada suatu amalan pun dari amalan-amalan yang mendekatkan diri dengan Allah dari ibadah solat, zakat, puasa, membebaskan hamba, jihad, melakukan kebaikan, berzikir, bersabar, dan mengampunkan melainkan baginya itu semisal ganjaran pelaku dan digabungkan sekali dengan amalan-amalan baginda. Bahkan tiada suatupun pangkat dan martabat yang tinggi yang pernah dicapai oleh salah seorang dari umat baginda hasil dari tunjuk ajarnya melainkan baginya itu semisal ganjaran dan digabungkan sekali dengan darjat dan ketinggian martabat baginda. Bukan itu sahaja bahkan pahala dan ganjaran akan berlipat ganda berdasarkan sesiapa dari kalangan umatnya umat yang menyeru kepada kepada kebaikan dan melakukan tunjuk ajar yang baik, maka bagi lelaki itu ganjaran mereka yang yang melakukan dan mengikutinya, dan dalam masa yang sama Nabi memperoleh ganjaran yang berlipat kali ganda kerana dari bagindalah datangnya tunjuk ajar dan petunjuk.

Atas sebab inilah, Nabi Musa menangis tatkala malam Isra' dengan tangisan cemburu kepada Nabi ﷺ ini kerana umat Nabi yang masuk ke dalam syurga bilangannya adalah lebih banyak dari umat Nabi Musa. Tangisan itu bukanlah bererti hasad dan dengki seperti yang tergambar pada sebahagian orang jahil

bahkan tangisan itu hanyalah kerana perasaan sedih hasil dari terlepasnya martabat yang begitu tinggi tadi.

15. **Antaranya lagi adalah**: Bahawasanya Allah telah mengutuskan setiap nabi kepada kaumnya secara khusus sedangkan Nabi ﷺ diutuskan kepada jin dan manusia sekaliannya. Dan bagi setiap nabi itu ganjaran pahala menyampaikan ajaran kepada umatnya, maka bagi Nabi kita Muhammad ﷺ ganjaran pahala menyampakan kepada sekalian orang yang telah diutuskan kepadanya. Ini terkadang berlaku secara langsung, terkadang pula berlaku secara tidak langsung [yakni dengan perantaraan umat baginda yang menyampaikan ajarannya kepada manusia yang lain]. Maka dengan sebab itu Allah telah memperingati nikmat yang besar ini kepada baginda dengan firmanNya:

وَلَوۡ شِئۡنَا لَبَعَثۡنَا فِي كُلِّ قَرۡيَةٖ نَّذِيرٗا ﴿٥١﴾

"Jika kami berkehendak nescaya kami akan utuskan bagi setiap kampung/kawasan seorang utusan yang memberi amaran"

Firman di atas membawa maksud jika Allah mengutuskan bagi setiap kawasan nabinya yang khusus nescaya nikmat dan kedudukan ini tidak akan diperoleh oleh Nabi ﷺ.

16. **Antaranya lagi adalah:** Bahawasanya Allah telah bertutur dengan Allah di bukit *Tursina,* di lembah yang suci di sebalik tabir, sedangkan Nabi kita bercakap-cakap dengan Allah tatkala berada di *Sidratul Muntaha*.

17. **Antaranya lagi adalah:** Bahawasanya baginda telah bersabda:

نحن الآخرون من أهل الدنيا والأولون يوم القيامة, المقضي لهم قبل الخلائق و نحن أول من يدخل الجنة

"*Kita umat yang terakhir dari kalangan manusia di dunia, namun terawal dibangkitkan pada hari akhirat dan diperhitungkan terlebih dahulu sebelum umat-umat yang lain, dan kitalah yang terawal dimasukkan ke syurga*"

18. **Antaranya lagi adalah:** Bahawasanya baginda telah menyebutkan secara mutlak bahawa pada hari kiamat bagindalah orang pertama yang akan dibangkitkan dari kubur dan orang pertama yang memberi dan diberi syafaat.

19. **Antaranya lagi adalah**: bahawasanya baginda telah menyebutkan bahawa pada hari kiamat kelak manusia sehinggakan Nabi Ibrahim akan berpusu pusu memohon pertolongannya.

20. **Antaranya lagi adalah:** bahawasanya baginda telah bersabda:

الوسيلة منزلة في الجنة لا ينبغي أن تكون إلا لعبد من عباد الله تعالى و أرجو أن أكون أنا هو فمن سأل الوسيلة حلت عليه الشفاعة

"*Al Wasilah adalah suatu kedudukan di syurga dan ianya tidak akan diberi melainkan bagi seorang hamba dari kalangan hamba-hamba Allah. Dan aku berharap akulah orangnya. Maka sesiapa yang memohon Al Wasilah buatku maka wajib ke atasnya syafaatku*."

21. **Antaranya lagi adalah:** Bahawasanya akan masuk ke dalam syurga dari kalangan umatnya sebanyak 70,000 tanpa hisab. Dan ianya tidak diberikan kepada selain baginda.

22. **Antaranya lagi adalah**: diberikan baginya telaga kausar dan diberikan baginya juga kolam (*al Hawd)* tatkala di mahsyar.

23. **Antaranya lagi adalah**: sabdanya yang berbunyi:

نحن الآخرون السابقون

"*Kita adalah yang terakhir dan yang terdahulu*"

Yakni terakhir dari segi masa, dan terdahulu dari segi kemuliaan dan ketinggian peribadi.

24. **Antaranya lagi adalah:** Bahawasanya dihalalkan bagi baginda harta rampasan perang yang tidak diharuskan kepada mana-mana Nabi sebelum baginda. Dan dijadikan barisan saff umatnya seperti barisan saff para malaikat. Kemudian dijadikan bumi sekaliannya sebagai masjid dan tanahnya sesuai untuk bersuci.

Ini adalah keistimewaan yang menunjukkan kepada ketinggian martabat baginda dan kerahmatan bagi umatnya.

25. **Antaranya lagi adalah:** Bahawasanya Allah Taala telah memuji akan budi pekerti baginda dengan firmanNya:

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ ﴿٤﴾

"*Sesungguhnya kamu itu berada di atas akhlak yang agung*"

Perbuatan meninggi dan mengagungkan yang datang dari mereka yang agung menunjukkan kepada keagungan yang begitu menapak kuat dalam diri orang yang di agungkan. Maka apatah lagi pengagungan itu datang dari Tuhan yang Maha Agung?!

26. **Antaranya lagi adalah:** bahawasanya Allah telah berkata-kata dengan baginda dengan tiga bentuk wahyu; pertama: Mimpi yang benar, kedua: kata-kata tanpa sebarang perantara, ketiga: melalui perantaraan Jibril.

27. **Antaranya lagi adalah:** bahawasanya kitab baginda mengandungi segala isi yang terkandung dalam kitab Taurat, Injil dan Zabur, telah diperincikan dengan secara Tafshil

28. **Antaranya lagi adalah:** bahawasanya umatnya adalah umat yang kurang amalan berbanding umat yang berdahulu namun besar ganjaran mereka seperti yang sabit dalam hadis-hadis yang sahih.

29. **Antaranya lagi adalah**: bahawasanya Allah telah membentangkan bagi baginda kunci bagi sekalian khazanah di muka bumi ini dan memberi kepada baginda pilihan sama ada ingin menjadi raja di dunia atau nabi merangkap hamba bagi Allah. Maka baginda meminta pendapat dari Jibril, dan diisyaratkan baginnya untuk bertawadu' maka Nabi kita menjawab:

نبيا عبدا, أجوع يوما و أشبع يوما فإذا جعت دعوت الله و إذا شبعت شكرت الله

" Bahkan inginku jadi Nabi dan seorang hamba, sehari aku berlapar, dan sehari lagi aku kenyang. Maka tatkala aku berlapar aku memohon kepada Allah, dan tatkala aku kenyang aku mensyukuri Allah"

Nabi berniat untuk menjadi seorang yang sentiasa menyibukkan diri dengan Allah dalam dua hal yang berbeza; susah dan senang, nikmat dan ujian.

30. **Antaranya lagi adalah**: bahawasanya Allah telah mengutuskan baginda sebagai Rahmat bagi sekalian alam. Maka Dia telah menangguh balasan terhadap mereka yang berdosa dari umatnya berbeza dengan para nabi terdahulu yang tatkala mereka didustai dipercepatkan balasan ke atas para pendusta mereka.

31. Adapun pada akhlak baginda seperti sifat tidak cepat marah (Al Hilm), berpaling dari kesalahan orang (Al Shafh), pengampun, penyabar, selalu bersyukur, kelembutannya dalam mengajak kepada Allah, tidak marah kerana dirinya, dan bahawasanya baginda dibangkitkan untuk menyempurnakan akhlak, dan apa yang dinukilkan dari sifat tunduk, khusyuk, bersusah payah dan tawadhuk dalam urusan makan dan minum, pakaian dan tempat tinggal, juga kebaikannya tatkala bergaul, kemuliaan dan ketinggiannya tatkala berakhlak, serta nasihat baik yang disampai pada umatnya, tamak terhadap keimanan ahli keluarganya, bangun dalam menyelesaikan tanggungjawab sebagai Nabi dan bagi memenangkan agama Allah dan meninggikan kalimatNya, dan tidak dilupa derita yang dihadapi baginda tatkala berhadapan dengan kaumnya ditempat asalnya dan dikala bermusafir. Maka sekalian ini telah termaktub dalam kitab Allah dan Syamail (yakni kitab yang mengumpul perihal sifat fizikal dan budi pekerti baginda.)

32. **Adapun** kelembutannya tatkala menyeru kepada Allah maka Allah telah berfirman:

فَبِمَا رَحۡمَةٖ مِّنَ ٱللَّهِ لِنتَ لَهُمۡۖ

Maksudnya: *"Maka Dengan sebab rahmat (yang melimpah-limpah) dari Allah (kepadamu Wahai Muhammad), Engkau telah bersikap lemah-lembut kepada mereka.."* (Ali Imran: 159)

33. **Adapun** sikap tegasnya terhadap orang kafir dan rahmatnya terhadap orang mukmin maka tersebut dalam firman Allah yang berbunyi:

مُّحَمَّدٌ رَّسُولُ ٱللَّهِۚ وَٱلَّذِينَ مَعَهُۥٓ أَشِدَّآءُ عَلَى ٱلْكُفَّارِ رُحَمَآءُ بَيْنَهُمْۖ

Maksudnya: *" Nabi Muhammad ﷺ ialah Rasul Allah; dan orang-orang Yang bersama dengannya bersikap keras dan tegas terhadap orang-orang kafir Yang (memusuhi Islam), dan sebaiknya bersikap kasih sayang serta belas kasihan kasihan sesama sendiri (umat Islam)."* (Al Fath: 29)

34. **Adapun** tamaknya baginda terhadap iman umatnya dan rahmat dan belas kasihan terhadap sekalian manusia telah disebutkan Allah dalam firmannya yang berbunyi:

لَقَدْ جَآءَكُمْ رَسُولٌ مِّنْ أَنفُسِكُمْ عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا عَنِتُّمْ حَرِيصٌ عَلَيْكُم بِٱلْمُؤْمِنِينَ

رَءُوفٌ رَّحِيمٌ ﴿١٢٨﴾

Maksudnya: *"Sesungguhnya telah datang kepada kalian seorang Rasul dari golongan kalian sendiri (iaitu Nabi Muhammad ﷺ), Yang menjadi sangat berat kepadanya sebarang kesusahan Yang ditanggung oleh kalian, Yang sangat tamak (inginkan) kebaikan dan keimanan bagi kamu, (dan) ia pula menumpahkan perasaan belas serta kasih sayangnya kepada orang-orang Yang beriman."* (Al Taubah: 128)

35. **Adapun** nasihatnya tatkala menunaikan amanah tabligh maka dalam firman Allah:

فَتَوَلَّ عَنۡهُمۡ فَمَآ أَنتَ بِمَلُومٖ ﴿٥٤﴾

Maksudnya: *"Oleh itu, berpalinglah (Wahai Muhammad) daripada mereka (yang menentangmu itu dan janganlah dihiraukan), kerana Engkau tidak akan disalahkan (setelah Engkau memberi amaran kepada mereka)."* (Al Zhariat: 54)

36. **Antaranya lagi adalah:** bahawasanya Allah telah menjadikan umatnya setaraf dengan orang-orang yang adil dari golongan penghukum. Maka sesungguhnya Allah tatkala menghukum antara hamba-hambaNya, maka berlaku penafian dari sesetengah umat berkenaan pengutusan rasul kepada mereka, maka akan dihadirkan umat Nabi Muhammad ﷺ untuk menjadi saksi ke atas manusia bahawasanya para rasul mereka telah bangun menunaikan tanggungjawab dalam menyampaikan risalah. Ini adalah keistimewaan yang tidak pernah wujud pada mana-mana nabi sebelum ini.

37. **Semisalnya** adalah kemaksuman umatnya dari berkumpul dan bersepakat di atas kesesatan, sama ada umatnya yang terawal mahupun yang datang terkemudian.

38. **Semisalnya** adalah pemeliharaan kitabnya; maka jikalau sekalian yang terdahulu dan yang terkemudian berkumpul untuk menambah atau mengurangkan satu kalimat darinya nescaya mereka tidak akan mampu untuk berbuat demikian. Telah diketahui dan terzahir telah belaku penyelewengan pada Taurat dan Injil.

39. **Semisalnya** adalah bahawasanya Allah telah menutupi ke atas mereka yang tidak diterima amalannya dari kalangan umat baginda. Dan adalah umat sebelum ini, membentangkan korban ataupun sembahan, maka api akan menjilatnya sebagai tanda penerimaan, dan tidak menjilat apa yang tidak diterima oleh Allah. Maka ini

akan menyebab terzahir suatu keaiban bagi mereka yang telah ditolak amalannya itu.

Semisalnya jugalah disebut dalam firman Allah yang berbunyi:

وَمَآ أَرۡسَلۡنَٰكَ إِلَّا رَحۡمَةٗ لِّلۡعَٰلَمِينَ ١٠٧

Maksudnya: *"Dan tiadalah Kami mengutuskan Engkau (Wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam."* (Al Anbiya: 107)

Sabda Baginda lagi:

إنما أنا رحمة مهداة

Maksudnya: "*Hanyasanya aku ini rahmat yang dihadiahkan*"

أنا نبي الرحمة

Maksudnya: "*Aku adalah Nabi Rahmat dan belas kasihan*"

40. **Antaranya lagi adalah**: bahawasanya baginda diutuskan dengan Jawami' Al Kalim yakni telah diringkaskan kata-katanya (dan membawa makna yang mendalam) serta baginda telah mengatasi keseluruhan bangsa Arab dari segi kefasihan dan keindahan bahasa (*Balaghah*).

41. **Begitu juga Allah** telah memuliakan baginda ke atas sekalian Nabi-nabi dan Rasul dari kalangan manusia, begitu juga Allah telah memuliakan kemudian memilih baginda dari kalangan ahli langit dan malaikat. Namun manusia yang

mulia adalah lebih mulia dari semulia-mulia mereka dari kalangan malaikat berdalilkan firman Allah:

إِنَّ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَعَمِلُواْ ٱلصَّٰلِحَٰتِ أُوْلَٰٓئِكَ هُمۡ خَيۡرُ ٱلۡبَرِيَّةِ ۝٧

Maksudnya: "*Seungguhnya orang-orang Yang beriman dan beramal soleh, mereka itulah sebaik-baik makhluk."* (Al Bayyinah: 14)

Maka malaikat adalah satu jenis dari makhluk, kerana perkataan *Al Bariyyah* berasal dari kalimat :

برأ الله الخلق

Maksudnya: "Allah telah mencipta dan mengadakan makhluk."

Malaikat tidak tergolongan dalam firman Allah إن الذين آمنوا و عملوا الصالحات walaupun mereka telah beriman dan beramal shaleh, ini kerana lafaz tersebut adalah lafaz khas. Ini berdasarkan adat dan kebiasaan penggunaan kalimat tersebut yang menunjuk secara khusus kepada mereka yang beriman dan beramal dari kalangan manusia. Berdalilkan bahawa itulah makna terawal yang terlintas diminda tatkala disebut.

Jika dikatakan: Perkataan Al Bariyyah di ambil dari perkataan Al Bara البرا yang bermaksud tanah, maka manusialah pada hakikatnya tercipta dari tanah. Maka ayat tersebut seakan akan-akan membawa maksud: "*Seungguhnya orang-orang Yang beriman dan beramal soleh, mereka itulah sebaik-baik manusia".* Maka ini akan terjawab dengan dua jawapan:

Pertama: Bahawa para sarjana bahasa Arab telah mengira dan menggangap kalimat Al Bariyyah dari sebilangan perkataan yang telah dibuangkan Hamzah oleh orang Arab.

Kedua yakni jawapan yang lebih tepat: Bahawasanya Imam Nafi' telah membacanya dengan hamzah yakni (البريئة), dan kedua-dua bacaan tersebut adalah kalam Allah, maka jikalau salah satu qiraat telah melebihkan mereka yang beriman ke atas keseluruhan manusia, maka qiraat satu lagi telah melebihkan mereka ke atas sekalian makhluk.

Maka tatkala sabit bahawa orang yang mulia dari kalangan manusia adalah lebih mulia dari malaikat, maka para nabi adalah sebaik baik mereka yang beriman dan beramal soleh, berdasarkan dari firman Allah setelah Dia menyebut segolongan dari para Nabi:

وَكُلًّا فَضَّلْنَا عَلَى ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٨٦﴾

Maksudnya: "*Dan mereka itu semuanya, Kami lebihkan darjat mereka atas umat-umat (yang ada pada zamannya).*" (Al An'am: 86)

Maka ayat ini menunjukkan bahawa mereka adalah sebaik-baik manusia dan terlebih mulia dari malaikat kerana malaikat sebahagian dari *Al Alamin* العالمين sama ada perkataan alam berasal dari *Al 'Alam* العلم atau *Al Alama*t العلامة. Dan jika para nabi adalah lebih mulia dari para malaikat, dan Nabi Muhammad ﷺ itu adalah nabi yang paling mulia, maka tentu sekali nabi telah menjadi penghulu bagi penghulu para malaikat, maka dengan itu baginda lebih mulia dari mereka dengan 2 darjat.

Justeru tidak diketahui kadar sebenar dan kemulian 2 darjat tersebut melainkan Allah yang telah memuliakan penutup para Nabi dan Penghulu para rasul ini.

Sekadar inilah beberapa isyarat ringkas cukup bagi mereka yang berakal lagi bijak tentang perkara semisalnya bahkan walau separuh darinya.

Kita memohon kepada Allah dengan pemberian dan kemuliaannya, untuk memberi taufik kepada kita untuk mengikut jejak langkah RasulNya serta sekalian akhlak yang zahir dan batin. Semoga Allah memasukkan kita ke dalam pendokong agamanya, Hanya Dia sahaja yang kuasa atas segala sesuatu, lagi berhak mengkabul sekalian permintaan. Dan tiada upaya dan kuasa melainkan dengan Allah yang Maha Tinggi lagi Agung.

اللهم صل على سيدنا مُحَمَّد و على آله و صحبه و سلم تسليما كثيرا دائما أبدا

Selesai di Terjemah pada Malam Isnin 2/8/2016

Wallahu Waliy Kulli Taufiq